



Tahun Pelaksanaan Manifesto PH

ANTARA manifesto Pakatan Harapan (PH) yang dikatakan paling berjaya menambat hati rakyat dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 lalu sehingga menumbangkan Barisan Nasional (BN), termasuklah mengekalkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M), Pendidikan Percuma di Universiti Awam, Pelaksanaan Gaji Minimum RM1500, menghapuskan tol secara berperingkat dan menyediakan sejuta pekerjaan baharu.

Meskipun pada awalnya PH bergelut untuk menunaikan satu demi satu manifesto PRU ke-14 sehingga pihak pembangkang menyelar PH kerana dikatakan tidak dapat menunaikan janji manifesto, namun rakyat semakin hari dilihat semakin memahami bahawa ketika mengambil alih kerajaan, iaitu pada Mei 2018, PH berhadapan dengan pelbagai hutang. Sudah tentulah untuk memulihkannya juga tidak mengambil masa yang singkat.

Namun begitu, setelah hampir dua tahun menerajui kerajaan, satu demi satu manifesto yang dijanjikan dalam PRU ke-14 dilaksanakan dan ditunaikan secara berperingkat. Meskipun pada awalnya ada gambaran bahawa BR1M akan dihapuskan,

namun Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad pada akhirnya mengumumkan bahawa BR1M akan diteruskan dengan menjenamakannya semula sebagai Bantuan Sara Hidup Rakyat (BSH).

Selain itu, kerajaan PH pada awal pemerintahannya juga mengumumkan bahawa kadar gaji minimum akan terus disemak semula bagi memastikan hal itu sejajar dengan keperluan semasa dan selaras dengan hasrat mencapai kadar gaji minimum sebanyak RM1500 sebulan dalam tempoh lima tahun pertama dilaksanakan secara berperingkat apabila menerusi Belanjawan 2020, kerajaan mengumumkan pelaksanaan gaji minimum RM1200 sebulan di kawasan selain daripada wilayah

bandar utama. Perintah gaji minimum baharu yang dinaikkan kepada RM1200 sebulan di bandar utama di bawah pentadbiran 57 majlis bandaraya dan majlis perbandaran akhirnya diwartakan dan telah berkuat kuasa pada 1 Februari lalu.

Pelaksanaan gaji minimum sebanyak RM1200 sebulan atau RM5.77 sejam di wilayah bandar utama dan RM1100 sebulan atau RM5.29 sejam selain daripada wilayah bandar utama adalah berdasarkan tempat kerja yang ditakrifkan mengikut Seksyen 2, Akta Kerja 1955 (Akta 265), Ordinan Buruh Sabah (Bab 67) dan Ordinan Buruh Sarawak (Bab 67) dan subseksyen 2 (1) Ordinan Buruh Sarawak (bab 76).

Sementara itu, sehingga makalah ini ditulis, model Pendidikan Percuma di Universiti Awam sedang dirangka dan dikatakan bahawa keistimewaan itu akan lebih tertumpu kepada golongan sasaran, iaitu kumpulan isi rumah berpendapatan rendah (B40) dan kepada mereka yang memerlukan bantuan, seperti orang kelainan upaya, kumpulan minoriti dan golongan yang kurang bernasib baik. Apa-apa pun keputusannya kelak, yang pasti kerajaan akan mencari kaedah terbaik agar pendidikan percuma di universiti dapat direalisasikan.

Berita paling menggembirakan rakyat Malaysia tidak lain tidak apabila kerajaan memutuskan untuk mengurangkan kadar tol sebanyak 18 peratus. Menurut Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, usaha tersebut dilaksanakan kerajaan bagi mencapai matlamat akhir untuk menghapuskan tol seperti yang termaktub dalam manifesto PH. Walau bagaimanapun, beliau berkata penghapusan tersebut akan mengambil masa dan hal itu bergantung pada keadaan dan kekuatan ekonomi negara.

Janji keenam dalam manifesto PH pada PRU ke-14 lalu antara lain menyatakan bahawa gabungan tersebut akan mengkaji semula

perjanjian konsesi lebuhraya dan berunding untuk mendapatkan harga terbaik bagi mengambil alih setiap konsesi tol dengan matlamat untuk menghapuskan tol secara berperingkat.

Oleh itu, diskaun kadar tol sebanyak 18 peratus akan diberikan kepada kenderaan penumpang, bas dan teksi, iaitu kelas 1, 4 dan 5 bagi Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) termasuk Lebuhraya Baru Lembah Kelang (NKVE), Lebuhraya Utara Selatan Lingkaran Tengah (ELITE), Lebuhraya Laluan Kedua Malaysia – Singapura (LINKEDUA), Lebuhraya Pantai Timur Fasa 2 (LPT 2), Lebuhraya Seremban – Port Dickson (SPDH) dan Lebuhraya Butterworth – Kulim (BKE) serta kenderaan kelas 2, 3, 4 dan 5 bagi Jambatan Pulau Pinang. Sementara itu, kadar tol untuk kelas kenderaan komersial akan terus kekal pada kadar tol semasa tanpa peningkatan hingga tamat konsesi tol.

Yang pasti, pemberian diskaun tol sebanyak 18 peratus mulai 1 Februari lalu bagi kenderaan penumpang, bas dan teksi akan membolehkan semua pihak yang berkaitan meraih penjimatan secara langsung sebanyak RM1.1 bilion. Tambah Guan Eng, penjimatan berkenaan termasuk RM0.5 bilion daripada diskaun 18 peratus serta penjimatan RM0.6 bilion daripada bayaran pampasan kerajaan untuk membekukan kenaikan kadar tol.

“Bayaran pampasan sebanyak RM0.6 bilion ini tidak lagi digunakan untuk manfaat pengguna lebuhraya dan syarikat konsesi (sahaja), sebaliknya boleh disalurkan kepada projek kebajikan, serta pembangunan ekonomi di seluruh negara,” jelasnya.

Beliau turut mengesahkan bahawa kerajaan sedang dalam usaha untuk menstrukturkan semula PLUS berdasarkan cadangan yang dikemukakan oleh Khazanah Nasional Berhad (Khazanah) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Janji keenam dalam manifesto PH pada PRU ke-14 lalu antara lain menyatakan bahawa gabungan tersebut akan mengkaji semula perjanjian konsesi lebuhraya dan berunding untuk mendapatkan harga terbaik bagi mengambil alih setiap konsesi tol dengan matlamat untuk menghapuskan tol secara berperingkat.

“Jemaah Menteri juga mengarahkan supaya satu mesyuarat tergempar diadakan antara semua pemegang taruh untuk memastikan keputusan kerajaan mengenai penstrukturan semula PLUS dapat dilaksanakan secara lancar dan baik mengikut garis masa yang ditetapkan,” katanya.

Pada Januari lalu, akhbar tempatan melaporkan bahawa kerajaan dianggarkan dapat menjimatkan sebanyak RM42 bilion sepanjang tempoh konsesi PLUS Malaysia Bhd. (PLUS), iaitu selama 38 tahun lagi apabila tidak akan menanggung beban membayar pampasan kepada syarikat itu selepas tempoh konsesi dilanjutkan hingga tahun 2058.

Pada hakikatnya, sebanyak 40 peratus daripada janji manifesto PH pada PRU ke-14 akan mula dilaksanakan pada tahun 2020. Guan Eng berkata, tahun 2020 merupakan permulaan yang penting untuk kerajaan melaksanakan semua janji manifesto tersebut. Hingga kini, sebanyak 60 peratus janji manifesto telah berjaya dilaksanakan dan pihaknya optimis dapat menunaikan semua janji manifesto tersebut sebelum tahun 2023.

Kerajaan secara terbuka telah berjanji bahawa semua janji dalam manifesto PH akan diberikan tumpuan secara kolektif oleh kementerian yang bertanggungjawab. Sebelum ini, kerajaan telah menunaikan janji seperti pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST), menurunkan harga petrol RON95 kepada RM2.08 dan juga Pas Perjalanan Rapid tanpa Had My100 kepada pengguna pengangkutan awam di Lembah Klang dan Pas Mutiara kepada rakyat Pulau Pinang. Hal itu belum termasuk usaha awal kerajaan menjalankan pentadbiran yang bersih, telus dan beramanah yang pada akhirnya dapat mengelakkan pembaziran dana awam yang sepatutnya disalurkan kepada projek pembangunan rakyat di seluruh negara.